



The Observer

29.10.2021

Surat berita mingguan, The Observer kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari www.mswg.org.my untuk maklumat lanjut.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsi pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.

❖ Teguran awam Bursa terhadap JAKS dan Kenanga kerana melanggar syarat penyenaian

Pada 25 Oktober 2021, Bursa Malaysia Securities Bhd (Bursa Malaysia) telah membuat teguran awam terhadap JAKS Resources Berhad dan penasihat utamanya Kenanga Investment Bank Bhd (KIBB) kerana melanggar Syarat-syarat Penyenaian Pasaran Utama (MMLR) Bursa Malaysia.

Teguran awam ini dibuat berikutan kegagalan mereka memastikan terdapat sekurang-kurangnya 10 notis hari pasaran dari tarikh JAKS mengumumkan tarikh penutupan buku (BCD) sehingga tarikh penutupan buku sebenar, untuk pelarasan harga kuat kuasa dan/atau jumlah tambahan Waran JAKS 2018/2023 (JAKS-WB) yang timbul daripada cadangan terbitan hak dengan waran yang diumumkan pada 22 Mei 2020.

Penemuan pelanggaran dan pelaksanaan teguran awam ke atas JAKS dan KIBB dibuat menurut perenggan 16.19 MMLR selepas proses sewajarnya selesai, selepas mengambil kira semua fakta dan keadaan perkara itu termasuk materialiti dan kesan pelanggaran itu.

Bursa Malaysia Securities memandang serius pelanggaran tersebut kerana perenggan 6.56(1)(b) MMLR berfungsi untuk menyediakan tempoh yang mencukupi bagi pemegang sekuriti atau pelabur untuk membuat keputusan mengenai hak untuk kepentingan, sekuriti baharu atau pengedaran atau hak-hak lain yang timbul daripada pelarasan yang dibuat berikutan penerbitan sekuriti.

Turutan peristiwa

Pada 22 Mei 2020, JAKS mengumumkan bahawa syarikat itu bercadang untuk melaksanakan terbitan hak boleh lepas bagi saham biasa baharu bersama-sama waran boleh cerai percuma dan cadangan terbitan hak dengan waran mungkin menimbulkan pelarasan kepada harga kuat kuasa dan/atau bilangan tambahan JAKS-WB (Pelarasan).

Pada 13 Oktober 2020, JAKS mengumumkan bahawa tarikh tutup buku/ hak untuk cadangan terbitan hak dengan waran telah ditetapkan pada 27 Oktober 2020 tetapi tidak mengumumkan BCD untuk Pelarasan tersebut.

Hanya pada 26 Oktober 2020, JAKS mengumumkan bahawa tarikh tutup buku untuk Pelarasan telah ditetapkan pada 27 Oktober 2020 dan mengakui bahawa kelewatan dalam pengumuman itu disebabkan oleh kesilapan.

Memandangkan pengumuman tarikh tutup buku untuk Pelarasan hanya dibuat pada 26 Oktober 2020 selepas waktu dagangan, terdapat notis yang singkat iaitu kurang daripada satu hari kepada tarikh tutup buku dan pemegang JAKS-WB pada dasarnya tidak diberikan masa yang mencukupi untuk membuat keputusan berkenaan Pelarasan.

Tambahan pula, harga JAKS-WB tidak diselaraskan pada 26 Oktober 2020, yang merupakan tarikh ex-date yang telah memberi kesan terhadap perdagangan JAKS-WB secara adil dan teratur.

Dalam hal ini, Bursa Malaysia menegaskan bahawa kedua-dua JAKS dan penasihat utamanya yang dilantik iaitu KIBB bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan perenggan 6.56(1)(b) MMLR yang mengenakan syarat jelas bahawa tempoh dari tarikh penerbit tersenarai mengumumkan tarikh tutup buku untuk pengeluaran sekuriti boleh tukar yang timbul daripada pelarasan disebabkan penerbitan sekuriti kepada tarikh tutup buku mestilah tidak kurang daripada 10 hari pasaran.

Ironinya, KIBB yang juga bertindak sebagai pengurus penaja jamin dan penaja jamin bersama bagi pelaksanaan terbitan hak JAK sebelum ini menguar-uarkan pelaksanaan ini sebagai terbitan hak pengunderaitan terbesar Malaysia untuk tahun 2020.

Terbitan hak itu melibatkan kira-kira 1.08 bilion saham baharu dalam JAKS bersama-sama dengan kira-kira 540 juta waran boleh cerai percuma dalam JAKS yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 26 November 2020.

Kesilapan yang tidak disengajakan?

Semata-mata sebagai pasca nilai tanpa berniat mahu menuding jari kepada JAKS mahupun KIBB, pertama sekali perlu dipastikan bahawa kesilapan itu tidak sepatutnya berlaku sama sekali memandangkan tempoh masa yang panjang hampir lima bulan antara pengumuman pelaksanaan terbitan hak JAKS pada 22 Mei 2020 dan 13 Oktober 2020 apabila JAKS mengumumkan bahawa kelayakan/ tarikh tutup buku bagi cadangan terbitan hak dengan waran telah ditetapkan pada 27 Oktober 2020.

Walaupun JAKS tidak mengumumkan tarikh tutup buku untuk Pelarasan, masih terdapat tempoh dua minggu di antara penetapan terbitan hak/ tarikh tutup buku pada 27 Oktober 2020 yang sepatutnya dianggap sebagai masa yang mencukupi bagi menetapkan pelarasan harga JAKS-WB.

Demi berlaku adil, tanggungjawab perlu diletakkan pada KIBB dalam kapasitinya sebagai penasihat utama pelaksanaan korporat ini kerana gagal memastikan kelancaran keseluruhan pelaksanaan terbitan hak untuk pelanggannya (JAKS).

Sebagai penasihat utama, KIBB jelas bertanggungjawab untuk menasihati JAKS mengenai peraturan dan pengawalan berkaitan terbitan hak serta memastikan pematuhan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, apabila dilihat semula, JAKS sebagai syarikat yang melaksanakan pelaksanaan korporat, juga telah terlibat dalam pelanggaran syarat penyenaian. Syarikat tersenarai awam lain yang merancang pelaksanaan korporat yang serupa diingatkan supaya memastikan tiada pelanggaran peraturan penyenaian ketika menjalankan pelaksanaan korporat masing-masing.

❖ **Akhirnya... Mesyuarat agung tahunan diadakan secara fizikal.**

Pada minggu lepas, sebuah syarikat awam tersenarai yang terlibat dalam perniagaan pembinaan telah mengadakan mesyuarat agung tahunannya secara fizikal. Memandangkan kami memberikan keutamaan kepada mesyuarat secara fizikal, saya mengambil peluang ini untuk menghadirinya.

Kaunter pendaftaran dibuka pada jam 8.30 pagi. Pemegang saham dan proksi dinasihatkan supaya mendaftar selewat-lewatnya jam 8.30 pagi kerana tempat duduk adalah terhad kepada 50 kerusi sahaja, diberikan atas dasar siapa dulu dia dapat.

Ini bermakna ada pemegang saham yang tidak dibenarkan masuk jika kehadiran melebihi 50 pemegang saham kerana kekurangan tempat duduk, yang mana akan menimbulkan isu tadbir urus korporat. Walau bagaimanapun, ini tidak berlaku kerana mesyuarat agung tahunan ini dihadiri kira-kira 15 hingga 20 pemegang saham sahaja.

Kehadiran lalu dalam mesyuarat agung tahunan secara fizikal sudah pasti memberikan sedikit gambaran kepada syarikat awam tersenarai ini dan harus dijadikan panduan apabila mengatur kapasiti tempat duduk. Syarikat awam tersenarai juga dinasihatkan supaya mengambil langkah berhati-hati dan menyediakan peruntukan untuk kapasiti tambahan.

Saya tiba di lokasi mesyuarat pada jam 8.30 pagi dan terus mendaftar untuk mesyuarat tersebut. Seperti yang dinyatakan dalam notis mesyuarat agung tahunan, ujian Covid-19 dijalankan di lokasi ke atas semua peserta menggunakan kaedah swab hidung, ihsan daripada Syarikat. Saya menunggu AGM bermula pada jam 10.00 pagi dan ia bermula mengikut masa yang dijadualkan.

Tidak ada interaksi fizikal antara pengarah dengan pemegang saham dan kami memahami situasi ini. Kami juga memahami ketiadaan sebarang bentuk jamuan ringan apabila Pengerusi memaklumkan bahawa minuman dan makanan tidak disediakan kerana ia akan meningkatkan risiko Covid-19 jika orang ramai menanggalkan pelitup muka untuk makan dan minum.

Semua pengarah menghadiri mesyuarat agung tahunan ini dengan dua daripada mereka hadir secara maya. Ini patut dipuji kerana Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) menjangkakan kesemua pengarah menghadiri mesyuarat agung tahunan ini supaya apa-apa soalan boleh diajukan kepada mereka secara individu, atas kapasiti mereka sebagai pengerusi atau ahli lembaga dan pelbagai jawatankuasa kecil lembaga.

Pengerusi juga memaklumkan bahawa tiada pembentangan slaid dibuat kerana beliau ingin memastikan mesyuarat itu dijalankan secara ringkas walaupun mereka pernah mengadakan pembentangan slaid beberapa tahun yang lalu. Namun begitu, saya mengulas bahawa adalah lebih baik jika terdapat pembentangan mengenai cabaran, prospek dan pandangan semasa disebabkan penyata kewangan dan laporan tahunan adalah rekod lampau dan beberapa bulan sudah pun berlalu.

Memandangkan pembentangan slaid berada dalam kawalan syarikat, mereka boleh memilih untuk membuat pembentangan ringkas jika mereka mahu. Ini adalah kerana mesyuarat agung tahunan menyediakan peluang sekali dalam setahun untuk para pemegang saham mengetahui lebih lanjut mengenai sesebuah syarikat awam tersenarai.

Seorang pengarah bebas telah memegang jawatan lebih 12 tahun tetapi proses undian dua peringkat tidak dilaksanakan untuk pelantikan semula. Ini adalah kerana Syarikat berpendapat bahawa pengarah bebas tersebut telah secara konsisten melaksanakan tugas dengan saksama demi kepentingan Kumpulan walaupun sudah memegang jawatan dalam tempoh yang agak lama.

Melangkah ke hadapan, situasi ini mungkin tidak akan berlaku lagi kerana Bursa Malaysia dijangka akan meminda Syarat-syarat Penyenaraian untuk mewajibkan pengundian dua peringkat bagi pengarah bebas melebihi sembilan tahun serta larangan mutlak untuk tempoh melebihi 12 tahun.

Secara keseluruhannya, mesyuarat agung tahunan secara fizikal ini dijalankan dengan baik walaupun sewaktu pandemik Covid-19.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 1 hingga 5 November 2021

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
------------------------	-----------------	-------------------------

<p>01.11.21 (Isnin) 11.00 pagi</p>	<p>Oversea Enterprise Bhd (EGM)</p>	<p>Mesuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan penempatan persendirian sehingga 30% daripada jumlah saham terbitan Oversea yang dikembangkan.</p> <p>Selain itu, ia juga mahu mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan terbitan hak sehingga kira-kira 1.717 bilion saham hak, bersama-sama sehingga 572.55 juta waran percuma, pada asas tiga saham hak dan satu waran percuma bagi setiap tiga saham sedia ada yang dipegang oleh pemegang saham yang berhak.</p> <p>En. Benson Tay Ben Seng, Pengarah Eksekutif Oversea telah memberikan aku janjinya untuk memohon dan melanggan sepenuhnya Saham Hak syarikat mengikut kelayakan beliau. Jika perlu, saham hak tambahan yang tidak diambil alih oleh pemegang saham lain yang berhak, sehingga jumlah agregat hasil langganan mencecah RM10 juta.</p> <p>Hasil terimaan yang terkumpul akan digunakan untuk mengembangkan restoran baharu, meluaskan dan menaik taraf kemudahan pembuatan, transformasi digital dan sebagai modal kerja.</p>
<p>03.11.21 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>TMC Life Sciences (AGM)</p>	<p>TMC perlu mempertimbangkan untuk menceburi bidang seperti Telekesihatan dan Perubatan Tradisional Cina bagi meningkatkan aliran pendapatannya. Ini kerana TMC adalah sebuah daripada beberapa pertubuhan perubatan utama di negara ini yang menawarkan perkhidmatan Perubatan Tradisional Cina. Bidang perniagaan ini</p>

		menjanjikan potensi yang besar kepada Syarikat. Kesedaran yang semakin meluas terhadap Perubahan Tradisional Cina juga menjadi satu lagi pemangkin yang memastikan ia menjadi perniagaan yang menguntungkan Syarikat.
03.11.21 (Rabu) 10.00 pagi	Gadang Holdings Bhd (AGM)	Pandemik Covid-19 telah mencetuskan kawalan pergerakan yang belum pernah berlaku sebelum ini. Ia mengakibatkan pemberhentian kerja yang berterusan di kesemua projek pembinaan dan hartanah sepanjang tahun kewangan berakhir 2021. Disebabkan itu, Gadang mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM574.8 juta (tahun kewangan berakhir 2020: RM673.0 juta) dan keuntungan sebelum cukai yang jauh lebih rendah berjumlah RM20.1 juta (tahun kewangan berakhir 2020: RM59.3 juta), sebahagian besarnya disebabkan oleh gangguan perniagaan yang berpunca daripada pandemik.

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diketengahkan
TMC Life Sciences (AGM)	<p>THKD sedang melalui proses menaik taraf kemudahan telekesihatan dalam tahun kewangan berakhir 2021 dengan penambahan perkhidmatan Pemulihan, Dietetik dan Penyaringan Kesihatan ke platform itu. (Halaman 15, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Berapakah pendapatan yang diperolehi daripada bahagian telekesihatan Syarikat pada tahun kewangan berakhir 2021?</p> <p>b) Apakah rancangan Syarikat untuk mengembangkan perniagaan telekesihatan?</p>
Gadang Holdings Bhd (AGM)	Pada tahun kewangan berakhir 2021, Kumpulan menerima Surat Pemberitahuan daripada Suruhanjaya Tenaga (EC) untuk melaksanakan Loji Fotovolta Solar Berskala Besar 5.9MWac, antara lain, ke lokasi baharu di Tawau, Sabah. Bahagian ini berada pada

	<p>kedudukan yang baik untuk memuktamadkan Perjanjian Pembelian Tenaga Solar dengan Sabah Electric Sdn Bhd dan memulakan kerja-kerja projek (Halaman 27, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah perkembangan terkini pembangunan tersebut?</p> <p>b) Berapakah sasaran sumbangan pendapatan masa hadapan daripada projek tersebut kepada pendapatan Kumpulan?</p>
--	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, (linnert.hoo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, (khalidah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.